

Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan,  
Akauntan Perbendaharaan Jabatan Mengakaun Sendir/Cawangan JAN,  
Bendahari Negeri.

Tuan,

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 6 TAHUN 1982**

**PERATURAN SISTEM PERAKAUNAN TUNAI UBAHSUAI PADA AKHIR TAHUN**

**KEWANGAN 1982 BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI**

**1. Tujuan**

Tujuan pekeliling ini ialah untuk menjelaskan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Pembayar dan Pegawai Pengakaun tentang peraturan Sistem Perakaunan Tunai Ubahsuai yang akan dipakai pada akhir tahun kewangan 1982 seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan No.8 Tahun 1974.

**2. Penutupan Buku Tunai**

Semua Buku Tunai Pejabat Pembayar dan Pemegang Panjar hendaklah ditutup seperti biasa selepas tutup urusan pada hari kerja terakhir tahun 1982 mengikut peraturan yang ditetapkan dalam pekeliling yang tersebut diatas. Bagaimanapun Pemegang panjar tidaklah dikehendaki memulangkan baki panjarnya pada akhir tahun 1982.

**3. Syarat Pembayaran Atas ‘Akaun Kena Bayar’**

Apabila menguruskan pembayaran akaun tahun 1982 dalam bulan Januari, 1983 pihak yang berkenaan hendaklah mempastikan bahawa bukan sahaja perkhidmatan/ pembekalan telah disempurnakan pada atau sebelum 31hb. Disember, 1982 akan tetapi peruntukan dalam pecahan kepala vot yang berkenaan adalah juga mencukupi untuk membayar perbelanjaan itu. Jika syarat ini tidak dipenuhi maka pembayaran itu hendaklah diakaunkan kepada vot perbelanjaan tahun 1983 mengikut Arahan Perbendaharaan 58(a).

#### **4. Penyerahan Vaucer 'Akaun Kena Bayar'**

Adalah diperhatikan dari pengalaman yang lalu bahawa sejumlah besar vaucer 'Akaun Kena Bayar' yang dihantar dalam bulan Disember dan Januari adalah bagi perbelanjaan yang telah berlaku lebih awal sebelum menjelang hujung tahun semasa. Tindakan begini mengakibatkan *perbelanjaan berkelumpuk* pada hujung tahun. Perbuatan ini adalah dipandang berat oleh Perbendaharaan disamping menyebabkan beban kerja yang berlipat ganda di Pejabat-pejabat Pembayar. Pegawai-pegawai pengawal adalah sendiri bertanggungjawab bagi menentukan bahawa keadaan seperti ini tidak berlaku. Untuk mempastikan kelincinan penutupan akaun maka jadual penyerahan vaucer pembayaran yang berikut hendaklah dipatuhi.

Tarikh Akhir Serahan

Tidak Lewat Dar:

Semua vaucer pembayaran yang lengkap  
bagi perbelanjaan yang berlaku pada  
atau sebelum tarikh-tarikh yang dinyatakan  
di bawah ini hendaklah diserahkan ke Pejabata  
pembayar tidak lewat dari tarikh-tarikh yang  
ditetapkan seperti berikut :-

Perbelanjaan pada atau  
Sebelum 30hb. November,...10hb. Disember, 1982  
Perbelanjaan dari 1hb.  
Disember hingga 15hb.  
Disember, 1982 ....20hb. Disember, 1982  
Perbelanjaan dari 16hb.  
Disember hingga 31hb.  
Disember, 1982 (hendaklah  
Diserahkan sebagai vaucer  
'Akaun Kena Bayar') ....10hb. Januari, 1983

## 5. Aturcara Penyampaian Vaucer Pembayaran ‘Akaun Kena Bayar’

5.1. Cara menyampaikan vaucer ‘Akaun Kena Bayar’ tahun 1982 adalah seperti berikut:

5.1.1. Vaucer pembayaran ‘Akaun Kena Bayar’ yang dihantar ke Ibu Pejabat atau ke Cawangan-Cawangan Jabatan Akauntan Negara tidak perlu disertai dengan vaucer jurnal.

5.1.2. Vaucer pembayaran ‘Akaun Kena Bayar’ yang dihantar ke Perbendaharaan Negeri atau ke Jabatan Mengakaun Sendiri hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Negeri atau Jabatan Mengakaun Sendiri yang berkenaan.

5.2. Kesemua vaucer pembayaran ‘Akaun Kena Bayar’ hendaklah disampaikan ke Pejabat Pembayar berasingan dari vaucer yang lain dan diberi cop ‘Akaun Kena Bayar’ diatas semua salinan vaucer pembayaran itu.

5.3. Vaucer pembayaran ‘Akaun Kena Bayar’ yang dibayar dalam bulan Januari, 1983 hendaklah diberi nombor siri tahun 1983 oleh Pejabat Pembayar dan cek baginya hendaklah dikeluarkan dari Akaun Bank tahun 1983.

5.4. Kesemua vaucer pembayaran ‘Akaun Kena Bayar’ hendaklah diberi kod perakaunan untuk mengenakan perbelanjaan itu kepada vot perbelanjaan tahun 1982 seolah-olah vaucer berkenaan disediakan untuk dibayar dalam tahun 1982 juga.

5.5. Tiap-tiap jumlah vaucer ‘Akaun Kena Bayar’ yang dibayar pada atau sebelum 31hb. Januari, 1983 hendaklah didebit terus kepada vot perbelanjaan tahun 1982. Nombor kepala perbelanjaan yang diberi kepada setiap akaun hendaklah sama dengan nombor kepala perbelanjaan yang diberi kepada kementerian/jabatan yang berkenaan itu bagi tahun 1982.

5.6. Vaucer Pembayaran ‘Akaun Kena Bayar’ yang tidak dapat dibayar oleh Pejabat Pembayar pada atau sebelum 31hb. Januari, 1983 mestilah dipulangkan ke Kementerian/Jabatan yang menyediakan vaucer itu untuk dibatalkan. Kementerian/Jabatan yang berkenaan pula hendaklah menyediakan vaucer baru dan menyampaikannya ke Pejabat Pembayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) untuk dibayar dari peruntukan tahun 1983.

## 6. Sistem Perakaunan Vaucer Pembayaran ‘Akaun Kena Bayar’

6.1. Pembayaran atas 'Akaun Kena Bayar' yang dilakukan oleh semua pejabat pembayar hendaklah diperakaunkan seperti berikut:-

(a) DEBIT : Vot Perbelanjaan (1982)

KREDIT : Akaun Kena Bayar (1982)

(b) DEBIT : Akaun Penyelesaian Perbelanjaan (1983)

KREDIT : Akaun Bank (1983)

(dengan jumlah besar cek 'Akaun Kena Bayar')

## 7. Rekupmen Panjar dan Vaucer Pembayaran 'Akaun Kena Bayar'

7.1. Semua rekupmen bagi perbelanjaan yang dilakukan untuk tahun 1982 mestilah dikemukakan ke Pejabat Pembayar yang berkenaan sebelum 10hb. Januari, 1983. Pemegang Panjar dikehendaki menghantar secara berasingan vaucer yang telah dibayar dalam dua kumpulan seperti berikut:-

Perbelanjaan tahun 1982 yang telah dibayar dalam tahun 1982;

Perbelanjaan tahun 1982 yang dibayar dalam bulan Januari, 1983.

7.2. Rekupmen wang panjar yang dinyatakan diperenggan 7.1. diatas hendaklah diakaunkan seperti berikut:

7.2.1. Suatu vaucer jurnal hendaklah disediakan untuk wang panjar yang dibayar dalam tahun 1982 seperti yang dinyatakan diperenggan 7.1.(a) supaya mengambilkira perbelanjaan ini dalam akaun tahun 1982. Vot perbelanjaan tahun 1982 hendaklah didebitkan dan Akaun Panjar tahun 1982 dikreditkan. Suatu vaucer pembayaran hendaklah disertakan untuk mendapatkan balik jumlah rekupmen ini. Pengeluaran cek terhadap vaucer pembayaran hendaklah didebit ke Akaun Panjar tahun 1983 dan dikredit ke Buku Tunai 1983.

7.2.2. Bagi perbelanjaan wang panjar yang dinyatakan diperenggan 7.1(b) pembayaran ini hendaklah dianggap sebagai perbelanjaan 'Akaun Kena Bayar' dan hendaklah didebit kepada vot perbelanjaan tahun 1982 dan dikredit kepada Akaun Kena Bayar Tahun 1982.

Pada masa yang sama, Akaun Penyelesaian Perbelanjaan tahun 1983 hendaklah didebitkan dan Buku Tunai tahun 1983 hendaklah dikreditkan dengan jumlah yang sama. Vaucer jurnal tidak perlu disertakan bagi rekupmen ini tetapi walaubagai manapun semua salinan vaucer pembayaran ini hendaklah diberi cop 'Akaun Kena Bayar'.

#### 8. Perakaunan Pembayaran Persekutuan di Perbendaharaan Negeri

Sistem Perakaunan Tunai Ubahsuai ini adalah juga dipakai bagi urusniaga Kerajaan Persekutuan yang dikendalikan oleh Perbendaharaan Negeri. Walaubagaimanapun oleh kerana Perbendaharaan Negeri tidak menyelenggara rekod perakaunan yang lengkap mengenai pembayaran yang dilakukan bagi Jabatan Persekutuan, peraturan yang berikut hendaklah dipatuhi untuk mengakaun pembayaran Persekutuan.

- 8.1. Semua vaucer pembayaran 'Akaun Kena Bayar' Jabatan Persekutuan untuk dibayar oleh Perbendaharaan Negeri mestilah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri berasingan dari vaucer yang lain.
- 8.2. Vaucer pembayaran 'Akaun Kena Bayar' yang dibayar oleh Perbendaharaan Negeri dalam bulan Januari, 1983 hendaklah didebitkan kepada Akaun Semasa Antara Pentadbiran dengan Jabatan Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri.
- 8.3. Apabila menghantar akaun ke Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri, Perbendaharaan Negeri adalah diminta supaya mengasingkan vaucer pembayaran 'Akaun Kena Bayar' daripada vaucer yang lain. Ini adalah sangat mustahak supaya urusan memproses vaucer dan mengakaun perbelanjaan dijalankan dengan licin dan teratur.
- 8.4. Semua urusniaga 'Akaun Kena Bayar' dan vaucer jurnal untuk menyelaraskan akaun tahun 1982 diantara Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Persekutuan hendaklah disampaikan ke Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri dalam Akaun Tambahan Bulan Disember tahun 1982.

#### 9. Penyelesaian Akaun Tambahan Bulan Disember, 1982 Dan Akaun Bulan Januari, 1983 Yang Diterima Daripada Perbendaharaan Negeri

Jabatan Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri, apabila menerima Akaun Tambahan Bulan Disember, 1982 dan Akaun Bulan Januari, 1983 daripada Perbendaharaan Negeri hendaklah memproses, mengakaun dan menyelesaikan dengan Pegawai Pengawal seperti berikut :-

- 9.1. Perbelanjaan tahun 1983 hendaklah didebit kepada vot perbelanjaan tahun 1983 Jabatan berkenaan dan dikredit kepada Akaun Semasa Antara Pentadbiran Perbendaharaan Negeri berkenaan.
- 9.2. Perbelanjaan tahun 1982 hendaklah didebit kepada vot perbelanjaan tahun 1982 dan dikredit kepada Akaun Kena Bayar

tahun 1982. Suatu jurnal hendaklah disediakan kemudiannya untuk mendebit amaun yang sama kepada Akaun Penyelesaian Perbelanjaan tahun 1983 dan mengkredit amaun ini kepada Akaun Semasa Antara Pentadbiran tahun 1983.

9.3. Akaun Kena Bayar ini hendaklah kemudiannya ditutup dalam tahun 1983 oleh Jabatan Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri dengan memindahkan baki dalam Akaun ini kepada Akaun Penyelesaian Perbelanjaan tahun 1983.

#### 10. Akaun Perwakilan Di Seberang Laut

10.1. Cara memproses dan menyelesaikan akaun perwakilan di seberang laut bagi bulan Januari, 1983 hendaklah mengikut peraturan yang dilakukan sekarang melainkan apabila menghantar akaun itu kepada Jabatan Akauntan Negara/ Jabatan Mengakaun Sendiri. Jabatan yang berkenaan itu adalah diminta supaya memastikan bahawa vaucer pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan yang diperuntukkan diasingkan kepada dua kumpulan iaitu:

Pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan tahun 1982

Pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan tahun 1983.

10.2. Kementerian/Jabatan yang berkenaan hendaklah melaraskan pembayaran dalam bulan Januari 1983 itu seperti berikut:

10.2.1. Pembayaran atas perbelanjaan tahun 1983 hendaklah didebit terus kepada vot perbelanjaan tahun 1983 dan dikredit kepada Akaun Panjar tahun 1983.

10.2.2. Jumlah pembayaran atas perbelanjaan tahun 1982 hendaklah didebit kepada vot perbelanjaan tahun 1982 dan dikredit kepada Akaun Kena Bayar tahun 1982. Seterusnya satu jurnal hendaklah disediakan untuk mendebitkan Akaun Penyelesaian tahun 1983 dan mengkreditkan Akaun Panjar tahun 1983.

#### 11. Penutupan ‘Akaun Kena Bayar’

Selepas akaun tahun 1982 ditutup, baki dalam ‘Akaun Kena Bayar’ tahun 1982 hendaklah

dibawa kehadapan ketahun 1983. Suatu vaucer jernal hendaklah disediakan oleh Pejabat Pembayar untuk menutup akaun ini. 'Akaun Kena Bayar' ini didebitkan dengan baki yang ada didalamnya dan Akaun Penyelesaian Perbelanjaan tahun 1983 dikreditkan dengan jumlah yang sama untuk menutup kedua-dua akaun ini.

#### 12. Pembayaran Yang Dikenakan Kepada Akaun Amanah

Sistem Perakaunan Tunai Ubahsuai tidak boleh dipakai untuk akaun amanah. Semua pembayaran yang dikenakan kepada akaun amanah hendaklah diperakaunkan dalam tahun mana urusniaga berkenaan dilakukan.

#### 12. Penutup

Kementerian dan Jabatan adalah diminta supaya menjelaskan semua bil semasa yang belum diselesaikan untuk memberi kesan kepada peraturan diperenggan 4. Kementerian dan Jabatan juga dikehendaki mematuhi peraturan dan tarikh yang ditetapkan bagi semua perkara yang disebutkan dalam surat pekeliling ini.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' SHAMSIR BIN OMAR)

Akauntan Negara Malaysia.